

Mesej Enam

## **Menjadi Reproduksi Kristus yang Merupakan Pohon Hayat untuk Ministri Hayat**

Bacaan Bible: Yoh. 1:4; 12:24; 15:1, 4-5; 1 Yoh. 5:16; 2 Kor. 4:12

- I. Dalam ekonomi Tuhan, kita bukan hanya pemakan pohon hayat, malah kita juga ranting-ranting pohon ini; akhirnya kita juga akan menjadi pohon hayat kecil, iaitu reproduksi Kristus yang merupakan pohon hayat—1 Ptr. 2:21; Yoh. 1:4; 12:24; 15:1, 4-5:**
  - A. Tuhan berhasrat agar semua percayawan dalam Kristus menjadi reproduksi Kristus, Tuhan-manusia—12:24; Roma 8:29:
    1. Menjadi reproduksi Kristus memerlukan kita dilahirkan semula daripada Kristus pneumatik dalam roh kita, kemudian ditransform oleh Kristus pneumatik dalam sukma kita secara beransur-ansur—Yoh. 3:6; 2 Kor. 3:18.
    2. Kita menjadi reproduksi Kristus melalui satu proses yang merangkumi kekayaan hayat divin didispenkan ke dalam kita dan kita mengalaminya—Ef. 3:8; Kol. 3:4, 10-11.
    3. Untuk menjadi reproduksi Kristus yang merupakan model kita, kita perlu mengalami Kristus sebagai Dia yang hidup dalam kita, dibentuk dalam kita, dan berumah dalam hati kita—Gal. 2:20; 4:19; Ef. 3:16-17a.
    4. Apabila kita menjadi reproduksi Kristus, secara spontan kita akan berhidupkan Kristus melalui perbekalan limpah lengkap daripada Roh-Nya—Flp. 1:19, 21.
  - B. Dalam Kejadian 2:9, pohon hayat adalah unik, tetapi pohon hayat telah ditanam ke dalam kita dan sedang bertumbuh dalam kita, menjadikan kita pohon hayat kecil.
- II. Sebagai reproduksi Kristus yang merupakan pohon hayat, kita mempunyai ministri hayat—1 Yoh. 5:16; 2 Kor. 4:12:**
  - A. Oleh sebab kita ialah percayawan dalam Kristus dan anak-anak Tuhan, kita bukan sahaja mempunyai hayat abadi dan dapat mengalami hayat abadi, malah kita juga dapat meministerkan hayat ini kepada anggota Tubuh Kristus yang lain—1 Yoh. 5:11-16.
  - B. Meministerkan hayat bererti menyalurkan hayat; apabila kita mempunyai lebihan hayat, kita dapat meminister daripada bekalan ini kepada orang lain—1:1-2; 2:25; 5:11-13, 16.
  - C. Pelayanan dalam gereja ialah pelayanan yang meministerkan hayat—pelayanan yang membekalkan hayat divin kepada orang lain—2 Kor. 4:12:
    1. Kita perlu mempunyai tanggapan yang dalam tentang butir ini dan memandang kepada Tuan agar pelayanan kita menjadi saluran keluar bagi Hayat-Nya—Yoh. 11:25; 1 Yoh. 1:2.
    2. Hayat yang kita bekalkan kepada orang lain itu berada dalam Roh itu, Roh itu berbaur dengan roh kita, dan hayat Tuhan terletak, tinggal, serta bertumbuh dalam roh pembauran—1 Kor. 15:45b; 6:17; Roma 8:4:
      - a. Jika kita ingin membekalkan hayat kepada pekudus, kita harus membebaskan roh kita, kerana hayat divin berada dalam roh pembauran kita—7:6; 1:9.
      - b. Jika roh kita tidak dapat dibebaskan, maka tidak adanya jalan untuk hayat divin dibebaskan—8:10.
  - D. Jika kita ingin hidup sebagai reproduksi Kristus yang merupakan pohon hayat, kita harus tersemat dalam hati bahawa kita perlulah berupaya meministerkan hayat—1 Yoh. 5:11-16:
    1. Pelayanan yang diinginkan Tuhan daripada kita tidak berfokus pada melakukannya kerja tetapi pada meministerkan hayat—ay. 16.

2. Untuk meministerkan hayat kepada orang lain, kita perlu digabungkan dengan Kristus, tinggal dalam Kristus, dan memberi Dia tapak dalam kita untuk memenuhi kita supaya hayat, sifat, kesukaan, dan kecenderungan-Nya menjadi hayat, sifat, kesukaan, dan kecenderungan kita—2:27; Ef. 3:16-17.
- E. Meministerkan hayat bererti mempunyai pengaliran keluar hayat; pelayanan kita ialah pengaliran keluar Tuhan untuk membekalkan hayat divin kepada orang lain—Yoh. 19:34; 7:37-39:
1. Hayat ialah isi kandungan Tuhan dan pengaliran keluar Tuhan; isi kandungan Tuhan ialah diri Tuhan, dan pengaliran keluar Tuhan ialah penyaluran diri Dia sebagai hayat kepada kita—Ef. 4:18; Wahi 22:1.
  2. Untuk hayat dibebaskan daripada roh kita, manusia luaran kita harus ditanggulangi dan dihancurkan—2 Kor. 4:16; Ibr. 4:12:
    - a. Jika manusia luaran kita tidak dihancurkan, tidak akan adanya aliran hayat divin yang tulus—Yoh. 7:38.
    - b. Jika kita menginginkan hayat divin dibebaskan dari dalam kita, kita harus ditundukkan dalam sukma dan membiarkan roh kita mendominasi serta berkuasa atas setiap perkara; dengan demikian barulah hayat Tuan dapat mengalir keluar—Ef. 3:16-17.
  3. Untuk mempunyai pengaliran keluar hayat, kita perlu bersatu dengan Kristus dalam kematian-Nya yang membebaskan hayat; ini bererti disepadukan dengan Kristus yang dipukul, yang ditamsilkan oleh batuan yang dipukul—Yoh. 19:34; Kel. 17:6:
    - a. Apabila kita bersatu dengan Kristus sebagai batuan yang dipukul, hayat divin sebagai air hidup akan mengalir keluar daripada kita—ay. 6; Yoh. 7:38.
    - b. Hayat insani kita, hayat alamiah kita, harus dipukul agar air hidup dapat mengalir keluar dari dalam kita—2 Kor. 4:10-11, 16.
    - c. Jika kita bersatu dengan Kristus yang dipukul, kita akan mengalami penyaliban hayat alamiah; kemudian sebagaimana hayat divin Kristus mengalir keluar sebagai air hidup menerusi hayat insani-Nya dipukul, begitu juga kita akan mengalami pengaliran air hayat menerusi hayat alamiah kita dipukul—ay. 10-12.
- F. Jika kita ingin meministerkan hayat kepada orang lain, kita perlu sedar akan serangan maut, pintu-pintu Hades, ke atas gereja—Mat. 16:18; Roma 5:17:
1. Apa yang berasal daripada Tuhan mempunyai ciri hayat, manakala apa yang berasal daripada Syaitan mempunyai ciri maut; dalam gereja, segala-gala yang berasal daripada Tuhan ialah hayat, manakala segala-gala yang berasal daripada Syaitan ialah maut—Yoh. 11:25; Ibr. 2:14.
  2. Apa yang paling ditakuti Syaitan ialah gereja menentang kuasa matunya—2 Tim. 1:10.
  3. Hayat abadi dalam kita dapat mengatasi maut dalam diri kita dan dalam anggota gereja yang lain—1 Yoh. 5:11-13, 16.
  4. Sebagai reproduksi Kristus yang merupakan pohon hayat, kita perlu mengalami hayat abadi dan meministerkan hayat ini kepada orang lain dengan menjadi saluran yang menerusinya hayat abadi dapat mengalir—Yoh. 7:37-39; Flp. 1:24-25.